

Kerajaan sedia kaji semula skim pencen — PM

UM 5 JUL 2001

KUALA LUMPUR 4 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia mengkaji semula skim pencen bagi membolehkan para pesara kerajaan menikmati faedah pencen yang lebih baik.

Perdana Menteri berkata, walaupun skim pencen negara ini merupakan antara yang terbaik di dunia, kerajaan sedar ia masih boleh diperbaiki.

“Kita ada buat perbandingan dengan negara-negara lain dan dengan negara-negara maju pun, kita masih mempunyai skim pencen yang lebih baik.

“Walaupun demikian, saya sedar ada yang boleh diperbaiki lagi,” katanya ketika berucap di majlis makan malam anjuran Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) di sini hari ini.

Beliau mengulas ucapan Presiden PPKM, Tan Sri Dr. Abdullah Ayub yang mencadangkan supaya kerajaan menetapkan

kan satu paras pencen minimum bagi membantu para pesara dengan pencen di bawah RM400 sebulan keluar dari bawah paras kemiskinan.

Abdullah dalam ucapannya sebelum itu menyatakan, pada masa ini terdapat kira-kira 60,000 pesara kerajaan yang mendapat pencen bulanan kurang daripada RM400 sebulan.

Ditingkatkan

Menurut Perdana Menteri, skim pencen Malaysia telah ditingkatkan jauh lebih baik oleh kerajaan sejak negara memperoleh kemerdekaan.

“Sekarang ini kalau gaji kakitangan kerajaan dikaji semula, pencen pun dikaji semula malah baru-baru ini kita pun membayar bonus kepada pesara bila kakitangan mendapat bonus,” jelas Perdana Menteri.

Tambahnya, kerajaan bagaimanapun tidak boleh memberikan faedah sehingga setara dengan

gaji yang diperoleh oleh kakitangan yang masih bekerja.

“Nanti semua orang tidak mahu bekerja kerana tidak kerja pun dapat gaji macam itu juga,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, para pesara tidak harus mengasingkan diri dari dunia luar selepas bersara kerana ia boleh menyebabkan seseorang merasakan seolah-olah tidak ber tenaga dan lemah semangat.

“Buatlah sesuatu yang anda minat, bila kita mula bekerja kita akan merasakan seolah-olah jauh lebih muda kerana saya dapati kerja ini seperti perang-sang untuk kita kuatkan semangat sedikit,” tegasnya.

Para pesara boleh memenuhi masa dengan membukukan pengalaman yang telah ditempuhi sepanjang mereka berkhidmat kepada kerajaan, katanya.